



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

**MALAYSIA - THAILAND PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA  
DALAM AUDIT SUSULAN DAN ALAM SEKITAR, TINGKATKAN  
AKAUNTABILITI DEMI RAKYAT**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PULAU PINANG, 9 Februari 2026** - YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara, hari ini menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Yuthapong Apirattanarungsri, Pesuruhjaya Audit Negara Thailand dan Tuan Yang Terutama Monthien Charoenpol, Ketua Audit Negara Thailand di Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang.

Delegasi Supreme Audit Institution (SAI) Thailand seramai lapan (8) orang turut diiringi oleh Konsulat Jeneral Diraja Thailand di Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Psusist Wongsurawat. Turut hadir bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Audit Negara dan wakil daripada Kementerian Luar Negeri.

Kunjungan ini merupakan lawatan rasmi pertama kepimpinan tertinggi audit Thailand kepada Ketua Audit Negara Malaysia, sekali gus mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh hubungan strategik dua hala antara Malaysia dan Thailand.

Di peringkat antarabangsa, kedua-dua negara kini menerajui Kumpulan Kerja di peringkat *International Organization of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dimana Ketua Audit Negara Malaysia mempengerusikan INTOSAI *Working Group on Follow-up Audit* (WGFA) manakala Ketua Audit Negara Thailand menerajui INTOSAI *Working Group on Environmental Auditing* (WGEA).

Antara hasil utama kunjungan rasmi ini adalah perkongsian kepakaran dan pengalaman SAI Malaysia dalam bidang audit susulan selaku Pengerusi INTOSAI WGFA dan Pengerusi ASEANSAI *Knowledge Sharing Committee* (KSC). SAI

Thailand juga telah berkongsi maklumat tentang pengauditan alam sekitar yang dilaksanakan di negara tersebut.

Sehubungan itu, kedua-dua pihak bersetuju untuk membangunkan program kerjasama buat julung kalinya yang menekankan peranan strategik audit susulan hijau dalam memperkukuh akauntabiliti alam sekitar serta amalan baik bagi meningkatkan impak kelestarian. SAI Malaysia akan menjadi peneraju bersama dalam program “*Closing the Loop: A Global Follow-Up Audit Toolkit for Climate Change Adaptation Results*” di bawah WGEA. Manakala SAI Thailand bersetuju untuk membangunkan salah satu bab dalam *Compendium of Good Practice of Follow up Audit* di bawah WGFA yang dipengerusikan oleh SAI Malaysia.

Selain itu, kedua-dua pihak turut membincangkan potensi kerjasama dalam bidang latihan dan pembangunan kapasiti khususnya dalam konteks amalan terbaik serantau dan antarabangsa bagi memastikan setiap pengauditan dilaksanakan secara berkesan, berimpak tinggi serta memberikan manfaat langsung kepada rakyat.

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Audit Negara  
#120TahunJAN**

